

Tahun Pemulihan

MEMBINA SEBUAH GEREJA SEL YANG MENGONGSIKAN YESUS DAN MENYENTUH HIDUP MELALUI PEMURIDAN YANG SENTIASA BERTUMBUH DALAM KASIH KEPADA ALLAH DAN SESAMA MANUSIA

PESANAN PADERI | 16 SEPTEMBER 2018 | MINGGU KE-16 SELEPAS TRINITI

Bishop Datuk Melter Tais telah mengisytiharkan tema Diosis untuk tempoh 10 tahun dari sekarang ialah "Dekad Penginjilan dan Pemuridan". Saudara dan saudari di dalam Tuhan, sementara kata-kata Bisyp Melter ini tenggelam dalam fikiran kita, marilah kita memberi respon dengan semangat yang membara dan menjajarkan diri kita kepada visi tersebut.

Dia juga telah memecahkan panggilan ini kepada lima musim dan setiap musim mengambil masa dua tahun. Tema kecil bagi musim yang pertama ini dipanggil sebagai "Tahun Menabur".

Perkara pertama yang timbul dalam fikiran saya apabila melihat tema ini adalah perumpamaan Yesus yang sangat biasa kita dengar iaitu tentang Penabur. Mungkin keperluan kita adalah melihat alasan mengapa Yesus berbicara dengan menggunakan perumpamaan seperti yang dicatat dalam Matius 13:13-15 *Itulah sebabnya Aku berkata-kata dalam perumpamaan kepada mereka; karena sekalipun melihat, mereka tidak melihat dan sekalipun mendengar, mereka tidak mendengar dan tidak mengerti. Maka pada mereka genaplah nubuat Yesaya, yang berbunyi: Kamu akan mendengar dan mendengar, namun tidak mengerti, kamu akan melihat dan melihat, namun tidak menanggapi. Sebab hati bangsa ini telah menebal, dan telinganya berat mendengar, dan matanya melekat tertutup; supaya jangan mereka melihat dengan matanya dan mendengar dengan telinganya dan mengerti dengan hatinya, lalu berbalik sehingga Aku menyembuhkan mereka.*

Marilah mempersiapkan diri kita bagi tugas di hadapan yang bukan sesuatu yang mudah. Kita perlu terus menabur sungguh pun kadang kala hasilnya tidak memberangsangkan atau pun mengecewakan. Kita perlu menabur kemurahan dan senantiasa memastikan ianya jatuh di tanah yang subur. Ada di antara kita yang mungkin dipanggil untuk menabur di ladang yang berbeza dan tidak pernah kita lakukan sebelumnya. Manakala yang lain dipanggil untuk mempersiapkan tanah supaya apa yang ditabur menghasilkan tuaian yang lebih baik.

Sementara kita mempersiapkan dan memperlengkapi diri kita untuk tugas menabur, marilah kita menguatkan dan didorong oleh janji yang terdapat dalam Mazmur 126:5-6 *Orang-orang yang menabur dengan mencururkan air mata, akan menuai dengan bersorak-sorai. Orang yang berjalan maju dengan menangis sambil menabur benih, pasti pulang dengan sorak-sorai sambil membawa berkas-berkasnya.*